

Sesi 1: Penilaian terhadap keutamaan Asnaf dalam Agihan Zakat Semasa

Moderator: En Wan Rumaizi Wan Husin

Rumusan:

1. Penentuan keutamaan Asnaf

- Isu asnaf zakat bukan bersifat thabit tetapi juga ijthadi dan qiyasi berdasarkan uruf semasa, tempat dan iklim.
- Dalil berkaitan tertib keutamaan asnaf adalah berdasarkan ayat al-Quran iaitu surah al-Taubah ayat 60.
- Namun, dalalah kepada ayat ini adalah bersifat dhanniah bukan qat'iyah dalam memahami maksud golongan asnaf dan tertib keutamaannya.
- Penentuan keutamaan asnaf boleh ditentukan oleh pemerintah berdasarkan kaedah atau prinsip : "Tasarruf imam manut bil maslahah " dan "La yunkar taghaiyyur al-Ahkam bi taghaiyyur azman"
- Penentuan asnaf zakat juga perlu mengambilkira kriteria asnaf yang layak menerima- berdasarkan surah nisa ayat 4
- Pemerintah perlu diberikan kuasa dalam menentukan keutamaan kerana lebih memahami masalah semasa berdasarkan sumber, had kifayah dan keperluan sebenar serta data semasa.
- Penentuan keutamaan asnaf mesti memelihara maratib masalah dan keperluan asnaf yang berubah-ubah mengikut uruf semasa.

2. Agihan zakat

- Terdapat 2 pandangan di kalangan fuqaha tentang hokum mengagihkan zakat kepada 8 golongan asnaf yang ditetapkan.
 - o Mengikut pandangan jumhur mazhab Hanafi, maliki dan Hanbali tidak wajib mengagihkan zakat kepada semua golongan asnaf. Malah ia boleh dibahagikan berdasarkan keutamaan dan tidak wajib diberikan bahagian yang sama rata. Pandangan ini dikuatkan dengan pemahaman daripada hadis Rasulullah " ambil sebahagian dari harta mereka dan berikan kepada golongan fakir miskin"
 - o Manakala mazhab shafie berpandangan wajib mengagihkannya kepada semua golongan asnaf.
- Pemberian zakat adalah berdasarkan kepada keperluan asnaf
 - o Imam Nawawi dalam kitab Majmuk – berpandangan harus agihan dalam bentuk modal pelaburan spt alat masakan atau alat pertukangan
 - o Ibn himam – mengatakan makruh berikan zakat melebihi 200 dirham / melebihi kadar nisab

- Ibn hazim – maksimum 40 dirham – berdasarkan nas hadis – meminta lebih dr keperluan
 - Dr Yusof Qardhawi berpandangan agihan adalah berdasarkan keperluan asnaf – seperti – i.e tiada punca pekerjaan, pekerjaan yang bermasalah, pekerjaan tidak sesuai dgn maruah atau tidak cukup menampung keluarganya.
- Perbincangan berkenaan samaada wajib diagihkan semua kutipan zakat atau oleh dilaburkan
 - Ada pandangan yang membolehkan kutipan zakat disimpan atau dilaburkan mengikut keperluan semasa
 - Pandangan ini berpegang kepada sunnah Nabi Nabi yang tidak mengagihkan unta zakat tetapi mengagihkan susu unta tersebut.
 - Agihan zakat juga oleh diberikan samada secara pemilikan sempurna atau pemilikan manfaat
 - Penilaian agihan zakat juga perlu mempertimbangkan faktor risiko kepada kerugian dan kesan terhadap pencapaian maqasid pemberian zakat kepada asnaf.
 - Dalam konteks Malaysia, agihan zakat adalah berdasarkan kepada undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri dan fatwa negeri – negeri (Tn Hj Zakaria)
 -

Sesi 2: Penilaian terhadap Agihan kepada golongan LGBT & Kafir (Mustad'afin)

Moderator: En Wan Rumaizi Wan Husin

Rumusan:

1. Fatwa-Fatwa negeri spt Kedah dan Selangor telah menetapkan hukum harus guna wang zakat untuk pemulihan LGBT dengan syarat-syarat tertentu seperti;
 - Golongan tersebut telah Insaf dan berusaha memperbaiki diri
 - Telah dipastikan tiada pembiayaan dari sumber kerajaan
 - Menggunakan peruntukan al-riqab, atau gharimin atau fi sabilillah
2. Penetapan hokum harus agihan zakat kepada golongan LGBT adalah berdasarkan kepada keperluan pemerintah untuk memulihkan golongan LGBT bukan kepada keperluan individu golongan tersebut. Keputusan juga berdasarkan kepada prinsip Maqasid Syariah iaitu Hifz al-Din dan Hifz al-Nafs untuk memulihkan rohani golongan tersebut.
3. Terdapat perselisihan dalam memperluaskan penafsiran al-Riqab dan Muallafatu Qulubuhum, antara golongan yang membenarkan memperluaskan penafsiran dan golongan yang tidak membenarkan perluasan penafsiran.
4. Memastikan perkongsian 'illah dalam menafsirkan golongan yang termasuk dalam asnaf zakat.
5. Kedudukan illah iaitu 'belengu' pada golongan LGBT adalah didapati lebih kuat (aqwa) berbanding illah dalam perkara asal iaitu belenggu yang ada pada hamba.
6. Dalam fatwa-fatwa negeri di Malaysia, penafsiran istilah al-Riqab telah diperluaskan.
7. Objektif agihan zakat kepada golongan LGBT adalah termasuk:
 - mengatasi masalah terbelengu pemulihan akhlak dan aqidah
 - membebaskan kongkongan ekonomi, kemudahan dan frasarana yang bersesuaian
 - memulihkan keadaan asnaf bg memenuhi keperluan maqasid
 - menyelesaikan kebelenguan
 - mewujudkan keadaan dan kesediaan keluarga untuk menerima semua
8. Maqasid syariah adalah satu pendekatan dalam pengurusan zakat bukan sebagai dalil dalam penentun asnaf dan agihan zakat